

## HELAIAN FAKTA NOTIS POLISI PERTUKARAN ASING - AKAUN MATA WANG ASING (INDIVIDU)

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit

### APAKAH NOTIS POLISI PERTUKARAN ASING?

Notis Polisi Pertukaran Asing ("Notis FEP") merupakan beberapa peraturan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk melindungi nilai Ringgit Malaysia ("Ringgit").

Anda dinasihatkan supaya membaca dan memahami Notis-notis FEP serta memastikan segala aktiviti yang dijalankan untuk akaun yang diselenggara dengan Hong Leong Bank Berhad dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad ("Bank") mematuhi Notis-notis FEP setiap masa.

### ADAKAH ANDA PEMASTAUTIN ATAU BUKAN PEMASTAUTIN?

Peraturan-peraturan menurut Notis-notis FEP adalah berbeza antara Pemastautin dengan Bukan Pemastautin.

Takrif BNM tentang Pemastautin dan Bukan Pemastautin dibentangkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sila rujuk jadual di bawah (untuk panduan):

Kewarganegaraan	Status Pemastautin Tetap sebuah negara di luar Malaysia	Tempoh masa bermastautin di luar Malaysia	Status Kemastautinan	Kewarganegaraan	Status Pemastautin Tetap sebuah negara di Malaysia	Tempoh masa bermastautin di Malaysia	Status Kemastautinan
Warganegara Malaysia	Tidak	N/A	Pemastautin	Bukan Warganegara Malaysia	Tidak	N/A	Bukan Pemastautin
	Ya	>182 hari*	Bukan Pemastautin		Ya	>182 hari*	Pemastautin
		<182 hari*	Pemastautin			<182 hari*	Bukan Pemastautin

\* Pengiraan 182 hari adalah berdasarkan setiap tahun kalendar dan tidak semestinya secara berterusan

### APAKAH AKAUN MATA WANG ASING HLB?

Individu adalah bebas membuka Akaun Mata Wang Asing ("FCA") dengan Hong Leong Bank (HLB). FCA boleh dibuka:

- secara individu oleh pelanggan Pemastautin atau Bukan Pemastautin;
- secara bersama antara pelanggan individu yang semuanya Pemastautin;
- secara bersama antara pelanggan individu yang semuanya Bukan Pemastautin; atau
- secara bersama antara Pemastautin individu dengan Bukan Pemastautin.

Hong Leong Bank mengelaskan semua FCA kepunyaan pelanggan individu sebagai FCA Pelaburan.

### APAKAH PERATURAN YANG TERPAKAI BAGI FCA PELABURAN?

Pengoperasian, sumber dan penggunaan dana keluar masuk FCA Pelaburan kepunyaan Pemastautin hendaklah selaras dengan keperluan, sekatan dan syarat yang dibentangkan dalam Notis FE yang dikeluarkan oleh BNM sepetimana diringkaskan di bawah ini:

Sumber dana dibenar yang diterima ke dalam FCA Pelaburan	Penggunaan dana dibenar yang dibayar daripada FCA Pelaburan
<p>1. Apa-apa amaun menggunakan dana mata wang asing:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dari luar negara, selain hasil daripada eksport barang; atau</li> <li>• Daripada pinjaman yang diluluskan dalam mata wang asing mengikut Bahagian A Notis 2.</li> </ul> <p>2. Sebarang jumlah di mana pelaburan dalam hartanah* di luar negara untuk tujuan pendidikan, pekerjaan atau perpindahan.</p> <p>3. Setakat RM10 juta setara peminjaman mata wang asing secara agregat daripada bank dalam pesisir berlesen (iaitu bank tempatan/Malaysia) atau Bukan Pemastautin.</p> <p>4. Setakat RM1 juta setara** secara agregat setiap tahun calendar menggunakan dana daripada agregat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• pertukaran Ringgit kepada Mata Wang Asing; dan</li> <li>• FCA Perdagangan; dan</li> <li>• Pertukaran aset kewangan berdenominasi Ringgit di Malaysia dengan aset kewangan dalam Entiti Labuan atau luar Malaysia</li> </ul> <p>5. Apa-apa amaun bagi pindahan pihak-sama daripada FCA Pelaburan.</p> <p>6. Membayai semula pinjaman tertunggak (termasuk prinsipal dan faedah atau keuntungan terakru) tertakluk kepada pematuhan keperluan dalam perenggan 1 hingga 4 di bawah Bahagian A Notis 2.</p> <p>* Terpakai kepada Individu Pemastautin sendiri yang mempunyai penginapan atau Ahli Keluarga Terdekat Pemastautin Individu yang mempunyai penginapan sahaja.</p> <p>**Terpakai bagi Pemastautin dengan Peminjaman Ringgit Domestik sahaja.</p>	<p>1. Apa-apa amaun bagi pindahan pihak-sama ke dalam FCA Pelaburan.</p> <p>2. Semua penggunaan dibenar menurut Notis FEP berkaitan, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebarang tujuan antara ahli keluarga terdekat (terdiri daripada pasangan, ibu bapa, anak dan adik beradik);</li> <li>• Pendidikan, pekerjaan atau perpindahan ke luar Malaysia;</li> <li>• Transaksi antara pemastautin dan bank dalam persisir berlesen, pengendali takaful antarabangsa berlesen atau pengendali takaful berlesen bagi unit mata wang antarabangsa dalam menjalankan perniagaan melibatkan mata wang asing;</li> <li>• Penyelesaian: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Derivatif dalam denominasi FC, tidak termasuk derivatif kadar pertukaran, diurus niaga di Bursa Tertentu di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA) antara pemastautin dan broker niaga hadapan pemastautin*;</li> <li>b) Transaksi komoditi murabahah kepada atau daripada pemastautin lain yang dilakukan melalui pembekal perkhidmatan perdagangan komoditi; dan</li> </ul> </li> <li>• Pelbagai perbelanjaan** yang ditanggung di luar Malaysia antara individu pemastautin yang menetap di Malaysia dan individu pemastautin yang menetap di luar Malaysia.</li> </ul> <p>* Tertakluk kepada peraturan lazim mengenai pelaburan dalam aset mata wang asing, jika berkenaan.</p> <p>**Terpakai kepada Transaksi Akaun Semasa yang mempunyai jumlah yang munasabah dan jarang berlaku, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan percutian di luar negara, perbelanjaan perubatan di luar negara dan pendahuluan atau pembayaran balik untuk pembelian barang dan perkhidmatan di luar negara bagi pihak Individu Pemastautin yang menetap di Malaysia.</p>

### APAKAH PEMINJAMAN RINGGIT DOMESTIK?

Peminjaman Ringgit Domestik adalah apa-apa peminjaman dalam Ringgit yang didapat oleh Pemastautin daripada Pemastautin lain (termasuk peminjaman daripada bank dalam pesisir berlesen) kecuali:

- Kemudahan kredit/pembaiana (sudah guna atau belum guna) yang didapat individu Pemastautin bagi pembelian satu (1) harta kediaman dan satu (1) kenderaan; atau
- Kemudahan Kad Kredit atau Kad Caj yang didapat individu Pemastautin dan digunakan untuk membayar barang runcit atau perkhidmatan sahaja.

Sebagai contoh, seorang Pemastautin dianggap mempunyai Peminjaman Ringgit Domestik jika dia mempunyai Pinjaman Peribadi dengan XYZ Bank Berhad.

### PENTING:

Maklumat dalam dokumen ini bukanlah bertujuan untuk serba lengkap dan adalah sekadar panduan umum bagi pelanggan. Anda dihasbihatkan supaya membuat rujukan kepada Notis-notis FEP yang lengkap dan terkini, yang boleh diakses di laman web Bank Negara Malaysia (BNM) melalui [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my).